

DNA AS *QARINAH* IN SYARIAH COURT: ANALYSIS OF PERLIS SYARIAH COURT EVIDENCE ENACTMENT 2006

DNA SEBAGAI QARINAH DI MAHKAMAH SYARIAH: ANALISIS TERHADAP ENAKMEN KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH PERLIS 2006

Alias Azhar (Ph.D)¹
Abdul Ghafur Abdul Hadi²

¹Assoc.Prof, School of Law, UUMCOLGIS, Universiti Utara Malaysia

Email: az.alias@uum.edu.my

²Open University Malaysia

Accepted date: 2 December 2017

Published date: 15 January 2018

To cite this document:

Azhar A., Abdul Hadi A. G., (2017) DNA Sebagai *Qarinah* Di Mahkamah Syariah: Analisis Terhadap Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Perlis. *International Journal of Law Government and Communication*. 2(6), 76-86.

Abstrak: Ujian DNA adalah salah satu hasil daripada kemajuan sains dan teknologi yang telah digunakan sebagai satu bentuk pembuktian dalam undang-undang Sivill mahupun undang-undang Islam. Ujian DNA telah diterima sebagai satu keterangan di Mahkamah Sivill namun di Mahkamah Syariah hanya diperuntukkan secara umum di bawah keterangan pakar. Kajian ini adalah berbentuk sosio-perundangan berbentuk kualitatif dan kajian lapangan berasaskan temubual. Bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia yang terhad sekadar hukuman ta'zir dilihat membolehkan ujian DNA ini diterima pakai sebagai satu keterangan pembuktian yang kukuh. Kesahan hasil ujian DNA itu sendiri sudah cukup untuk menjadikan keterangan tersebut sebagai bukti yang boleh diterima di Mahkamah untuk pensabitan kes. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tentang kebolehterimaan undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah khususnya peruntukan undang-undang, prosedur keterangan dan penerimaan keterangan DNA di Mahkamah Syariah Negeri Perlis. Hasil kajian mendapati ujian DNA diterima di Mahkamah Syariah Perlis sebagai pembuktian dalam bentuk qarinah yang berfungsi untuk menguatkan bukti. Sebagai bukti yang berbentuk qarinah pembuktian melalui ujian DNA ini tidak boleh digunakan sebagai bukti utama untuk mensabitan kes-kes jenayah yang melibatkan hukuman hudud dan qisas yang memerlukan pembuktian mencapai tahap al-Yakin. Untuk mengelakkan ketidakpastian penerimaan ujian DNA yang lebih baik di Mahkamah Syariah, usaha harus dilakukan dengan memasukkan peruntukan berkenaan penerimaan DNA di dalam enakmen dan undang-undang keterangan mahkamah syariah.

Kata Kunci: Undang-Undang Keterangan, DNA, *Qarinah*, Mahkamah Syariah, Pembuktian

Abstract: DNA testing is one of the results of scientific and technological advances that have been used as a form of proof in Civil law or Islamic law. DNA tests have been accepted as

evidence in the Civil Courts but in the Syariah Courts are only generally provided under the expert's evidence. The study is a qualitative form of socio-legal and field-based field study. The jurisdiction of the Syariah Court in Malaysia which is limited to ta'zir punishment is seen to enable this DNA test to be adopted as a strong proof of evidence. The validity of the DNA test itself is sufficient to make such evidence as acceptable evidence in the Court for case conviction. The purpose of this study is to examine the admissibility of evidence law in the Syariah Court, particularly the law provisions, procedures and evidence of DNA evidence in the Perlis Syariah Court. The results showed that DNA tests were received at Perlis Syariah Court as evidence in the form of qarinah which serves to strengthen evidence. As evidenced by the proof of qarinah through DNA testing it cannot be used as a major evidence to convict criminal cases involving hudud and qisas punishments requiring evidence to reach the level of doubtless(al-Yakin). In order to avoid the uncertainty of better DNA testing in the Syariah Court, efforts should be made by including provisions on DNA acceptance in the enactment and law of syariah court evidence.

Keywords: Law of Evidence, DNA, Qarinah, Syariah Court, Proof

Pendahuluan

Qarinah dari segi bahasa bermaksud tanda atau perkara-perkara yang menunjukkan sesuatu (Ahmad Fathi Bahnasi, 1989). Al-Sayyid Sabiq (1999) menyatakan *qarinah* adalah tanda yang sampai ke tahap keyakinan yang boleh menjadi bukti untuk dijadikan asas hukum. Abdul Karim Zaydan (1998) mentakrifkan *qarinah* sebagai tanda-tanda atau alamat yang boleh menjadi bukti atau keterangan bagi mensabitkan tentang adanya sesuatu atau menafikannya. Menurut Wahbah al-Zuhayli (1989) pula *qarinah* sebagai segala tanda zahir yang mempunyai hubungan dengan sesuatu yang tersembunyi yang mana tanda zahir ini mempunyai hubungan dengan sesuatu fakta yang tidak diketahui dan ia menjelaskan fakta berkenaan. Menurut Wahbah Zuhaili (1989) lagi, melalui bukti atau maklumat ini, kebenaran atau kepalsuan sesuatu fakta yang dipertikaikan dapat dipastikan kedudukannya. Ini bermakna *qarinah* adalah satu tanda yang jelas untuk membuktikan sesuatu fakta yang tersembunyi.

Daripada pengertian yang diberi dapat difahami bahawa *qarinah* adalah segala yang boleh dijadikan alasan untuk mensabitkan kesalahan. Perkataan “*sesuatu yang boleh dijadikan bukti*” digunakan di dalam takrifan membawa erti yang umum samaada sesuatu bukti itu boleh dilihat, dirasai, didengar, dipegang dan sebagainya (Mahmud Saedon Awang Othman, 2003).

Di Malaysia, penggunaan DNA telah digunakan secara meluas di Mahkamah Sivil manakala di Mahkamah Syariah, Hakim Mahkamah Syariah telah mula menggunakan DNA sebagai *bayyinah* atau pembuktian kes bagi sabitan pengesahan status nasab bagi kes Harta Pusaka, Hak Penjagaan Anak (*Hadhanah*) dan Jenayah Syariah dalam kes persetujuan haram. Antara kes awal yang menggunakan ujian DNA di Mahkamah Syariah sebagai *qarinah* ialah Kes *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Rosli bin Abdul Japar* (23/2 JH 237, 2007).

Artikel ini membincangkan peruntukan undang-undang berkaitan *qarinah* seperti yang terdapat di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perlis) 2006, pemakaian DNA sebagai *qarinah* di Mahkamah Syariah Perlis dan analisis hubungan antara keterangan pakar dan penerimaan bukti ujian DNA di Mahkamah Syariah Perlis.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk sosio-perundangan iaitu satu kaedah penyelidikan yang menyatukan dua bidang utama dalam penyelidikan iaitu sains sosial dan undang-undang. Oleh kerana undang-undang dibentuk sebagai mekanisme untuk mengurus hal ehwal dan konflik yang timbul dalam masyarakat sosial, undang-undang mempunyai hubungan yang rapat dan sukar dipisahkan dengan masyarakat (Rohani Abdul Rahim, 2002). Kajian ini juga turut melibatkan penyelidikan secara sistematik ke atas isu-isu perundangan yang baru dan terkini dengan menggunakan keaslian dan kreativiti yang tinggi melalui kaedah perundangan tradisional atau konvensional yakni melibatkan proses menyatakan (*stating*), menginterpretasi (*interpreting*) dan menerangkan undang-undang sedia ada (*clarifying the existing law*) di dalam sesuatu bidang perundangan (Mahdi Zahraa, 1998).

Bentuk kajian lapangan berasaskan temubual merupakan salah satu bentuk penyelidikan sosial (Anwarul Yaqin, 2007) yang merupakan satu interaksi sosial bertujuan mengumpul maklumat bagi tujuan kajian. Justeru, kajian ini tertumpu ke arah pengutipan maklumat dan penyelidikan tentang kategori keterangan berdasarkan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perlis) 2006.

Kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perlis) 2006 sebagai data primer yang merupakan data daripada sumber terus, berautoriti dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pandangan atau pendapat seseorang (Chatterjee, 2000). Di samping temubual berstruktur dan tidak berstruktur dengan pihak-pihak yang pakar dalam bidang yang berkenaan untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki (Anwarul Yaqin, 2007).

DNA dan Aplikasi dalam Sains Forensik

DNA atau maksud sebenarnya asid deoksiribonukleik adalah satu komponen utama kehidupan. Ia mengandungi set-set arahan biologi yang membentuk keperibadian individu. Maklumat-maklumat ini pula diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain melalui perkembangan pembiakan (National Institute of Health, 2016). Semua kehidupan di muka bumi ini memiliki corak DNA yang unik; untuk menjadikan seorang manusia itu manusia dan seekor harimau itu harimau. Sumber DNA seorang manusia atau seekor arnab mahupun sephohon pokok diwarisi daripada ibu dan bapanya atau dikenali sebagai induk.

Seorang manusia akan memiliki satu set lengkap DNA kromosom yang diperoleh hasil perkongsian ibu dan bapanya. Ia adalah sebanyak 23 pasang set dengan setiap satunya adalah daripada ibu dan bapa menjadikan bilangan mutlak sebanyak 46 set kromosom (American Prosecutors Research Institute, 2015). Set-set kromosom inilah yang dibarisi oleh jutaan maklumat tentang hidupnya sebagai manusia. Maklumat-maklumat inilah yang dikenali sebagai gen. Contoh gen adalah seperti warna mata atau bentuk hidungnya (American Prosecutors Research Institute, 2015).

DNA boleh didapati di dalam nukleus. Nukleus pula terletak di dalam sel yang membentuk tisu dan seterusnya organ tubuh. Selain daripada sel, DNA juga ada terdapat di dalam mitokondria. DNA terletak di dalam sel-sel seperti sel darah putih (*white blood cell*), sperma, rembesan vagina, cecair mukosa, peluh, air liur, tahi telinga, akar rambut, tulang, gigi dan organ-organ seperti jantung dan hati, daripada tisu otot dan juga kulit.

Dalam situasi biasa, DNA akan diekstrak daripada nukleus dan diuji untuk mendapatkan susunannya sebagai data perbandingan. Namun, dalam kes-kes seperti sampel

mayat yang telah reput atau sel-sel yang telah mati, DNA mitokondria lebih sesuai digunakan berbanding DNA nukleus.

Setelah manusia berjaya memecahkan rahsia misteri susunan kromosom DNA dan keunikannya sebagai salah satu ciri variasi kehidupan, ia diaplikasikan dalam penyiasatan forensik. Kebanyakan kes yang mengguna pakai profil DNA adalah untuk memastikan identiti individu sama ada bagi kes mayat reput, kematian akibat bencana ramai mangsa dan mengenalpasti identiti ibu bapa sebenar bagi seorang bayi atau anak yang ditinggalkan atau dibuang. Ia juga berguna bagi menyelesaikan isu pertikaian nasab seorang anak sebagaimana dalam kes perebutan harta pusaka, anak luar nikah mahupun untuk mengenal pasti bapa sebenar si anak (Mawarni Abdul Rahman, 2015).

Bagi kes pendakwaan di mahkamah, ada beberapa langkah utama yang dilakukan oleh ahli sains dalam mengaplikasikan DNA. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut (American Prosecutors Research Institute, 2015):

1. Mengenalpasti profil genetik daripada sampel biologi yang diperoleh di tempat kejadian sesuatu kes (sebagai contoh, tinggalan sperma dalam kejadian rogol).
2. Mengenalpasti profil genetik daripada sampel orang kena tuduh atau suspek.
3. Membandingkan antara kedua-dua profil ini untuk mendapatkan persamaan atau perbezaan.
4. Mengira kebarangkalian statistik bagi seseorang individu secara rawak memiliki profil genetik yang sama dengan profil genetik yang diperoleh daripada tempat kejadian kes.
5. Seterusnya, pihak pendakwaan boleh menggunakan maklumat-maklumat ini semasa perbicaraan di mahkamah. Maklumat sebegini membantu mahkamah dalam menentukan pesalah bagi kes-kes yang berkaitan.

Selain daripada mengenal pasti kebarangkalian kesamaan profil DNA seseorang suspek atau orang kena tuduh dengan yang ditemui di tempat kejadian mahu pun pada mangsa, ia turut dapat menjawab beberapa persoalan lain. Persoalan bagi ‘di manakah sampel DNA itu ditemui’ dan ‘apakah jenis sampel DNA yang ditemui itu’ dapat membantu pihak penyiasat melakukan silangkait antara suspek dan mangsa (American Prosecutors Research Institute, 2015).

Di Malaysia ujian DNA dijalankan oleh Jabatan KIMIA Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI). Analisis pemprofilan DNA hanya ditawarkan di Ibu Pejabat Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya, di Makmal Cawangan Kuching, Sarawak dan semenjak 1hb Julai 2009 di makmal cawangan Pulau Pinang (Mawarni Abdul Rahman, 2015).

Bahagian Forensik Kimia Malaysia telah diakreditasi kepada ASCLD-LAB ® (“American Society of Crime Laboratory Directors/Laboratory Accreditation Board”) sejak 19 Oktober 2005. Bahagian ini telah diakreditasi dan diiktiraf dalam bidang “Controlled Substances, Toxicology, Biology (Serology and DNA), Firearms/Toolmarks and Questioned Documents”(www.kimia.gov.my)

Makmal KIMIA Malaysia merupakan makmal kesepuluh di luar Amerika Syarikat untuk mendapat pengiktirafan persijilan ASCLD-LAB, pencapaian ini menunjukkan bahawa perkhidmatan sains forensik yang ditawarkan oleh Jabatan KIMIA Malaysia telah memenuhi syarat-syarat akreditasi ASCLD-LAB dan merupakan makmal yang setanding dengan makmal-makmal forensik antarabangsa (<http://www.kimia.gov.my>). Pengiktirafan ini adalah

amat penting kerana melalui pengiktirafan dan akreditasi ini membuktikan bahawa hasil ujian makmal yang dilakukan oleh makmal Jabatan KIMIA diiktiraf kesahan hasil kajiannya.

Konsep utama ujian DNA adalah untuk mencari persamaan antara profil DNA yang dijumpai di tempat kejadian dengan profil DNA dari sumber yang diketahui. Persamaan antara dua profil DNA tersebut semata-mata, tidak boleh membuktikan seseorang itu bersalah atau tidak ke atas jenayah tersebut. Walau bagaimana pun, ianya boleh digunakan bersama-sama bukti-bukti yang lain (www.kimia.gov.my/). Tujuan penggunaan ujian DNA adalah untuk mengenal pasti seseorang individu daripada sampel biologi yang ditinggalkan pada sesuatu permukaan. Antara lain kegunaan DNA adalah seperti berikut iaitu menguji kebarangkalian orang yang dituduh adalah penjenayah, ujian paterniti dan materniti, siasatan tulang atau tinggalan manusia dan bencana yang melibatkan ramai mangsa (Mawarni Abdul Rahman, 2015).

Antara jenis-jenis ujian DNA yang dijalankan oleh Jabatan KIMIA Malaysia adalah(www.kimia.gov.my/):

- a) Ujian Paterniti DNA. Ujian Paterniti bermaksud ujian yang mengesahkan hubungan antara bapa dan anak. Ujian paterniti DNA biasanya dijalankan untuk memastikan atau mengecualikan bapa biologikal seseorang anak. Paterniti adalah ujian yang tepat, cepat serta memerlukan kos yang berpatutan dengan kuasa diskriminasi (atau ketepatan) 99.9999%.
- b) Ujian Materniti. Ujian Materniti merupakan Ujian DNA yang dapat memberi kesimpulan berkaitan dengan ibu.
- c) Ujian Penentuan Keturunan adalah ujian yang dapat menentukan sama ada seseorang itu adalah datuk/nenek sebenar kepada seseorang kanak-kanak.
- d) Ujian Hubungan Adik-Beradik. Ujian ini dapat menentukan perhubungan antara adik-beradik.
- e) Pengenalan Identiti. Ujian ini bertujuan Menentukan identiti seseorang individu/mayat (yang tidak dikenal pasti).

Dalam proses ujian DNA ini prosedur prosesnya adalah terkawal untuk menjamin keputusan, antaranya adalah dengan penetapan prosedur untuk mengambil sampel bagi ujian 'Paterniti DNA'. Menurut prosedur sekurang-kurangnya 2ml sampel darah atau swab mulut (Dua sampel dari setiap individu)mesti diambil. Seterusnya sampel darah tadi mestilah disimpan dalam tiub EDTA. Sampel-sampel mestilah dilabel dengan jelas dengan menyatakan nama/nombor dan tarikh sampel diambil. Semua sampel yang diserahkan untuk analisis mestilah disertakan dengan surat permohonan ujian paterniti dan bayaran untuk analisis. Sampel mesti dihantar menggunakan syarikat penghantar ('*courier*') atau diserahkan dengan segera ke makmal Jabatan KIMIA Malaysia yang mengendalikan ujian DNA (Mawarni Abdul Rahman, 2015).

Prosedur persampelan ujian DNA yang ketat serta hasil ujiannya yang hampir 100% tepat meyakinkan pengkaji, walaupun kedudukan ujian DNA tidak sampai darjah pembuktiannya sama seperti *syahadah* (kesaksian) dan *iqrar* tetapi ia dapat membantu untuk mendapatkan tahap pembuktian sekurang-kurangnya di peringkat "*ghalabah al-zan*" (*beyond reasonable doubt*)(Zulfakar Ramlee,2008).

Fatwa Tentang DNA(e.fatwa.gov.my)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-101 yang bersidang pada 27 September 2012 telah membincangkan Hukum Menggunakan DNA untuk menentukan status nasab anak dan tempoh melaksanakan *li'an*

untuk menafikan nasab anak. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut(e.fatwa.gov.my):

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa Islam sangat menitik beratkan persoalan nasab dan apabila telah ada dalil yang mengisbatkan nasab, maka penafiannya tidak boleh diterima melainkan dengan kaedah li'an keranali'an telah sabit melalui al-Quran, al-Sunnah dan al-Ijma' dan merupakan suatu amalan taabudiah.

Muzakarah juga menjelaskan bahawa *Majma' Fiqh al-Islami* yang bersidang pada 21-26 Syawal 1422 bersamaan 5-10 Januari 2002 telah memutuskan bahawa untuk mengisbatkan nasab, penggunaan DNA dibenarkan dan dilakukan atas perintah mahkamah hanya dalam kes pertelingkahan ketidaktahuan nasab anak atas pelbagai sebab, kes kekeliruan atau pertukaran anak di hospital atau pusat jagaan, kes bayi tabung uji serta dalam kes anak-anak yang hilang atas sebab bencana alam dan sebagainya. Walau bagaimanapun, *Majma' al-Fiqh al-Islami* menetapkan bahawa DNA tidak boleh digunakan untuk menafikan nasab anak apalagi digunakannya mendahului kaedah *li'an*.

Muzakarah menegaskan bahawa para *Fuqaha'* telah bersepakat bahawa penafian nasab anak melalui kaedah *li'an* perlu dilakukan dengan kadar segera dan jika penafian nasab tidak dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan, maka gugurlah hak penafian nasab tersebut.

Muzakarah turut menegaskan bahawa merujuk kepada mazhab Shafie, terdapat dua pandangan iaitu dalam *qaul qadim* dan *qaul jadid*. Dalam *qaul qadim*, Imam Shafie menetapkan bahawa penafian hendaklah berlaku sejurus diketahui kelahiran bayi tersebut. Sekiranya penafian tidak dibuat, bermakna seseorang itu telah mengakui bahawa bayi tersebut adalah anaknya. Namun begitu, dalam *qaul jadid*, penafian tidak semestinya secara terus. Penafian memerlukan masa sebelum sesuatu keputusan diambil memandangkan penafian merupakan satu perkara yang penting. Penafian boleh ditangguhkan sehingga tiga hari dan penangguhan hanya boleh berlaku atas sebab-sebab keuzuran.

Sehubungan itu, berdasarkan penegasan dan pandangan para ulama' mengenai tempoh segera bagi melakukan *li'an* untuk menafikan nasab anak, Muzakarah berpandangan bahawa seseorang yang hendak melakukan *li'an* bagi penafian nasab anaknya perlu mempunyai tempoh waktu yang munasabah sebelum membuat keputusan demi mengelakkan sebarang kemudaratan yang mungkin berlaku.

Oleh yang demikian, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa tempoh segera bagi seseorang bapa yang hendak melakukan *li'an* bagi menafikan nasab anaknya adalah bermula daripada tarikh isterinya disahkan mengandung sehinggalah tiga (3) hari selepas bersalin. Penafian setelah tempoh munasabah tersebut adalah tertolak dan anak tersebut adalah sah dan sabit sebagai anaknya.

Muzakarah juga bersetuju memutuskan supaya garis panduan untuk menjalankan ujian DNA oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah diperketatkan lebih-lebih lagi dalam isu untuk menafikan nasab kerana DNA hanya sekadar *qarinah* atau sokongan semata-mata dan tidak boleh dijadikan bukti utama.

Peruntukan Qarinah di Mahkamah Syariah Perlis.

Di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perlis) 2006 terdapat peruntukan khas berkenaan *qarinah*. Secara amnya *qarinah* di dalam enakmen dinyatakan melalui tujuh perkara iaitu pertama, *qarinah* dalam bentuk Am, kedua *qarinah* di dalam bentuk pernyataan oleh orang yang tidak dapat dipanggil sebagai saksi, ketiga *qarinah* dalam bentuk pernyataan yang dibuat di bawah hal keadaan khas, keempat *qarinah* dalam bentuk sebanyak mana

pernyataan dikehendaki dibuktikan, kelima bila penghakiman mahkamah menjadi *qarinah*, keenam bila pendapat orang ketiga menjadi *qarinah* dan ketujuh bila watak menjadi *qarinah*.

Qarinah Am diperincikan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perlis) 2006 melalui Seksyen 5 hingga Seksyen 19 yang terkandung dalam 12 aspek seperti berikut;

- a) Keterangan boleh diberikan mengenai fakta persoalan dan *qarinah*.
- b) Fakta yang menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama adalah *qarinah*.
- c) Fakta yang menjadi punca, sebab atau kesan bagi fakta persoalan atau fakta relevan.
- d) Motif, persediaan dan kelakuan yang dahulu atau kemudian.
- e) Fakta yang perlu untuk menghuraikan atau mengemukakan fakta persoalan atau fakta relevan.
- f) Apa-apa yang dikatakan atau dilakukan oleh pekomploit berkenaan dengan rancangan bersama.
- g) Bila fakta boleh menjadi *qarinah*.
- h) Dalam guaman mendapatkan ganti rugi, fakta yang cenderung membolehkan Mahkamah menentukan amaun ialah *qarinah*.
- i) Fakta yang menjadi *qarinah* apabila hak atau 'urf, dipersoalkan
- j) Fakta yang menunjukkan kewujudan keadaan akal fikiran atau keadaan tubuh atau perasaan tubuh ialah *qarinah*.
- k) Fakta berkenaan dengan soal sama ada perbuatan dilakukan dengan tak sengaja atau dengan sengaja.
- l) Bila perjalanan urusan menjadi *Qarinah*.

Pernyataan Oleh Orang Yang Tidak Dapat Dipanggil Sebagai Saksi.

- a) Hal yang dalamnya pernyataan mengenai fakta relevan oleh orang yang telah mati atau tidak dapat dijumpai dan sebagainya adalah *qarinah*.
- b) Kerelevan keterangan tertentu bagi membuktikan dalam prosiding kemudiannya kebenaran fakta yang dinyatakan dalamnya.

Pernyataan Yang Dibuat Di Bawah Hal Keadaan Khas

Ada masanya pernyataan yang dibuat di bawah hal keadaan khas menjadi *qarinah* .iaitu:

- a) Bila catatan dalam buku akaun ialah *qarinah*.
- b) Bila catatan dalam rekod awam yang dibuat pada melaksanakan kewajipan ialah *qarinah*.
- c) Pernyataan dalam peta, carta dan pelan ialah *qarinah*
- d) Pernyataan tentang fakta daripada jenis awam yang terkandung dalam perundangan atau pemberitahuan tertentu ialah *qarinah*.
- e) Pernyataan tentang mana-mana undang-undang yang terkandung dalam buku undang-undang ialah *qarinah*.

Sebanyak Mana Pernyataan Dikehendaki Dibuktikan

Qarinah juga merupakan fakta sebanyak mana pernyataan dikehendaki dibuktikan. Enakmen Keterangan Jenayah Syariah (Perlis) 2006 menyatakan keterangan apa dikehendaki diberikan apabila pernyataan menjadi sebahagian daripada percakapan, dokumen, buku atau siri surat atau kertas.

Bila Penghakiman Mahkamah Menjadi Qarinah.

- a) Penghakiman dahulu adalah relevan bagi menghalang guaman atau perbicaraan yang kedua.
- b) Bila penghakiman tertentu dalam bidang kuasa probet dan sebagainya, ialah *qarinah*.
- c) Bila penghakiman, perintah atau dekri ialah *qarinah*
- d) Fraud atau pakatan sulit dalam mendapatkan penghakiman atau ketakkompetenan Mahkamah boleh dibuktikan.

Bila Pendapat Orang Kedua Menjadi Qarinah.

Pendapat orang kedua boleh menjadi qarinah sekiranya:

- a) Pendapat pakar.
- b) Fakta berkenaan pendapat pakar.
- c) Bila pendapat tentang tulisan ialah *qarinah*.
- d) Bila pendapat tentang kewujudan hak atau 'urf ialah *qarinah*.
- e) Bila pendapat tentang kelaziman, rukun, dan sebagainya ialah *qarinah*.
- f) Bila pendapat mengenai hubungan ialah *qarinah*.
- g) Bila alasan pendapat ialah *qarinah*.

Bila Watak Menjadi Qarinah.

- a) Dalam kes mal, watak bagi membuktikan kelakuan yang ditohmahkan tidaklah *qarinah*.
- b) Dalam prosiding jenayah, watak baik dahulu adalah *qarinah*.
- c) Watak buruk dahulu tidaklah *qarinah* kecuali bagi menjawab.

Walaupun penggunaan pembuktian pakar DNA makin diterima pakai oleh Mahkamah Syariah namun dicadangkan dalam kes-kes seperti *li'an* Mahkamah perlu juga perhatikan kepada kemaslahatan pihak-pihak yang terlibat. Hakim bicara perlu melihat kepada persetujuan pihak-pihak sebelum sampel DNA diambil dari diri masing-masing. Kemudian hakim perlu memastikan kedua-dua belah pihak-pihak bersetuju dengan keputusan yang akan dikeluarkan oleh pakar DNA hasil daripada kajian tersebut kerana hasil yang akan dikeluarkan akan mempengaruhi keputusan Mahkamah. Walaupun Mahkamah Syariah tidak terikat dengan keputusan ujian DNA yang berada pada tahap *qarinah* sahaja, namun keaiban salah satu pihak hendaklah dijaga (Mohamad Ridzuan bin Zainudin, 2012)

Menurut Mohd Zaidi (2015) penerimaan hasil analisis DNA adalah bergantung kepada penilaian hakim yang mendengar sesuatu kes. Selepas mendengar keterangan pakar hakim secara keseluruhan akan membuat keputusan sama ada terdapat keraguan dalam hasil kajian apabila terbukti hasil kajian adalah tepat dan tidak timbul sebarang kesangsian hasil kajian tersebut barulah hakim bicara akan menerima keterangan tersebut sebagai *bayinah*.

Hubung Kait Prosedur Pemakaian Keterangan Pakar dan Penerimaan Bukti Ujian DNA di Mahkamah Syariah.

Pendapat pakar merujuk kepada keterangan pakar atau kesaksian pakar ialah sesuatu pendapat yang diberikan oleh seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang atau persoalan (Ahmah Fathi Bahnasi, 1989). Bukan itu sahaja, testimoni yang diberikan berkaitan dengan perkara saintifik, teknikal atau profesional oleh pakar yang berkelayakan dan berautoriti untuk bercakap mengenai perkara tersebut boleh dikategorikan sebagai keterangan pakar. Keterangan pakar ini biasanya dikeluarkan oleh mereka yang telah melalui latihan, kemahiran yang khusus atau kebiasaan seseorang mengenai sesuatu perkara tersebut (Mahmud Saedon, 1996).

Namun, pemakaiannya di mahkamah syariah dilihat kurang efisien berbanding dengan mahkamah sivil rentetan daripada peruntukan terhadapnya yang terhad serta kes di mahkamah syariah yang tidak begitu kompleks berbanding dengan mahkamah sivil.

Prosedur ringkas saksi pakar memberi keterangan di mahkamah dinyatakan dalam kes *Wong Chop Saow Iw Pendakwaraya* 1995 MLJ 247 iaitu “sebelum seorang pakar meneruskan memberi keterangan dia hendaklah mula-mula menyatakan kelayakannya (seperti akademik, professional, pengalaman, penyelidikan, penulisan) seseorang yang pakar akan menyatakan bahawa dia telah memberi keterangan dalam kes-kes yang lain dan telah diterima oleh Mahkamah-mahkamah kemudiannya meneruskan memberi keterangan dan pendapatnya”.

Keterangan pakar seperti doktor dan ahli perubatan jika terdapat percanggahan antara keterangan pakar, tidak boleh membawa kepada hukuman hudud, sebaliknya hukuman *ta'zir* sahaja boleh dikenakan (Anwarullah, 1999). Pada amnya keterangan pendapat tidak diterima sebagai keterangan di dalam Mahkamah kecuali dalam keadaan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 33 dan 34 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perlis) 2006 iaitu:

33. (1) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang Negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah *qarinah*.

(2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.

(3) Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan

34. Fakta yang selainnya tiada *qarinah* ialah *qarinah* jika ia menyokong atau adalah tak konsisten dengan pendapat pakar apabila pendapat itu ialah *qarinah*.

Keterangan pakar boleh diberi dalam bentuk keterangan berkenaan kaedah saintifik, ujian DNA, atau forensik. Seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perlis) 2006 dengan jelas membuka ruang untuk pihak terbabit mengemukakan pandangan dari pakar atau lebih berdasarkan ujian sains termasuklah ujian DNA ini. Sebagai contoh analisa daripada pakar genetik dapat merungkaikan isu perwarisan atau berhubung kait dengan isu anak tak sah taraf. Pembuktian berdasarkan analisis daripada pakar perubatan mengenai sesuatu kecederaan atau pembunuhan dapat menyelesaikan kes jenayah atau tuntutan pampasan terhadap kecederaan yang dialami. Hasil ujian DNA dapat digunapakai dalam membuktikan sesuatu kesalahan yang dilakukan atau menjadi bukti untuk menafikan penglibatan seseorang dalam sesuatu kesalahan yang didakwa.

Melalui Enakmen Keterangan Jenayah Syariah (Perlis) 2006, didapati keterangan DNA tidak dinyatakan secara khusus sebagai *qarinah* di dalam enakmen. Namun sebenarnya keterangan DNA ini boleh dikategorikan sebagai keterangan berbentuk sains. Menurut Puan Nabisha Ibrahim (2015) istilah ‘sains’ di dalam statut adalah istilah yang digunakan di dalam bentuk yang umum, difahami daripada terma ini adalah segala bentuk kajian berkaitan sains. Penggunaan istilah yang bersifat umum di dalam statut adalah amat penting sebagai contohnya penggunaan istilah ‘sains’ di dalam statut akan merangkumi seluruh istilah-istilah yang terhasil daripada teknologi sains ini termasuklah istilah ujian DNA yang merupakan salah satu elemen daripada kajian sains.

Istilah DNA ini mungkin akan berubah atau sudah tidak lagi relevan pada masa akan datang atau mungkin terdapat istilah lain berdasarkan penemuan sains menggantikan istilah DNA. Istilah “sains” dikekalkan secara umum akan memberi kebebasan dan membuka ruang kepada Mahkamah untuk mentafsirkan istilah sains dengan lebih efisien berdasarkan perkembangan semasa.

Apabila seseorang pakar mengemukakan hasil kajiannya maka keterangan berkenaan ujian-ujian yang telah dilaksanakannya berkenaan dengan kajian tersebut adalah juga menjadi *qarinah*. Ini adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 39 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perlis) 2006 yang menyatakan “*bilamana pendapat mana-mana orang yang masih hidup ialah qarinah, maka alasan yang atasnya pendapat itu diasaskan ialah qarinah juga misalnya seseorang pakar boleh memberi keterangan mengenai ujian yang telah dilaksanakan olehnya bagi maksud menyediakan pendapatnya*”.

Akta ini tidak menentukan kepakaran seseorang itu berdasarkan agama atau tahap keadilannya (credibleness). Apa yang penting ialah orang tersebut mestilah “mempunyai kemahiran khusus” dalam perkara-perkara tersebut. Dengan ini seorang doktor Islam tetapi *fasik* boleh memberi pendapatnya. Begitu juga seorang doktor yang bukan Islam boleh memberi pendapatnya di dalam Mahkamah Syariah. Walaupun pendapat mereka ini dianggap sebagai *qarinah* tetapi ianya masih dikira sebahagian dari *al-bayyinah*. Ini juga ditegaskan di bawah seksyen 83(2): “*Huraian- Bayyinah seorang pakar bukan Islam terhadap seorang Islam boleh diterima, jika dikehendaki.*”

Keterangan berbentuk ujian DNA adalah termasuk di bawah keterangan saksi pakar. Keterangan DNA ini adalah merupakan pendapat pakar yang diminta oleh mahkamah dalam bentuk pengesahan keterangan tanpa batasan agama seseorang pakar tersebut.

Penutup

Penerimaan ujian DNA sebagai bukti dilihat sudah diterima sepenuhnya oleh Mahkamah Sivil sebagai bukti sokongan yang utama untuk pensabitan sesuatu kes seperti kes *Ahmad Najib Aris lwn PP (2007) 2CLJ229*. Ujian DNA ini sudah menjadi satu keterangan yang bersifat ‘urf’ untuk membuktikan sesuatu berdasarkan kajian sains saintifik berdasarkan hujah ini pembuktian DNA seharusnya dinyatakan secara khusus dalam enakmen.

Dalam undang-undang keterangan jenayah Syariah terdapat peruntukan tentang *qarinah* yang menerima pendapat pakar sebagai salah satu keterangan penting dalam pembuktian. Namun pembuktian melalui ujian DNA tidak diperuntukkan secara khusus di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perlis) 2006 walaupun DNA adalah salah satu penemuan keterangan yang akan digunakan oleh pakar dalam memberi pandangan atau pendapat berdasarkan penemuan saintifik.

Keputusan ujian DNA ini pada pendapat penulis adalah fakta yang terhasil daripada satu kajian saintifik yang perlu diperakui kesahannya. Terma ujian DNA perlu dinyatakan secara khusus di dalam enakmen bagi menjelaskan kedudukan dan otoriti ujian DNA diterima sebagai *qarinah*. Selain itu, fakta tentang ujian DNA ini boleh diletakkan bersama di bawah *Qarinah* Am. Penambahbaikan perlu dibuat di dalam enakmen keterangan berkaitan *qarinah* dengan menambah fakta DNA ataupun meletakkan fakta saintifik sebagai salah satu sumber keterangan *qarinah*.

Rujukan

- Abd al-Karim Zaydan (1998), *Nizam al-Qada' fi al-Syariah al-Islamiyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ahmad Fathi Bahnasi (1989), *Nazariyyat al-Ithbat fi al-Fiqh al-Jana'i al-Islami*, Qahirah: Dar al-Syuruq.
- Akhzailina Md Akhir (2000). “*Keterangan DNA: Kepentingan, Keperluan dan Kaedah Pemakaian di Malaysia*” (Latihan Ilmiah, Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya).
- American Prosecutors Research Institute. (2015, 11). forensic DNA fundamentals. Akses pada 06 22, 2015, from http://www.ndaa.org: http://www.ndaa.org/pdf/forensic_dna_fundamentals.pdf
- Anwarul Yaqin. (2007). *Legal research writing*. Malaysia: LexisNexis.
- Anwarullah (Prof. Dr) (1999), *Evidence By Expert (Experts' Opinion)*, dlm. Principles of Evidence in Islam. A. S. Noordeen Press : Kuala Lumpur
- Chartterjee, C. (2000). *Methods of research in law* (2nd Ed.). London: Old Bailey Press.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perlis) 2006
- Mahdi Zahraa. (1998). *Research methods for law postgraduates overseas students*. Univision: Glasgow.
- Mahmud Saedon A. Othman. (1996). *An Introduction to Islamic Law of Evidene*. Shah Alam: HIZBI.
- Mahmud Saedon A. Othman. (2003). *Undang-undang Keterangan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohamad Ridzuan bin Zainudin (2012), *Pembuktian DNA di Mahkamah Syariah*, Majlis Agama Islam Selangor, MAIS News.
- National Institute of Health. (2016, 06 13). National Human Genome Research Institute. Akses pada 06 21, 2016, from <http://www.genome.gov: http://www.genome.gov/25520880>
- Rohani Abdul Rahim. (2002). Metodologi Penyelidikan Undang-undang: Satu Tinjauan Kepada Kajian Sosio-Perundangan. *Seminar Kemantapan Akademik UKM*.

Sayyid Sabiq. (1999). *Fiqh Al-Sunnah*, Jilid 3. Kaherah : Dar Al-Fath lil- I'lam Al-'Arabi.

Wahbah Zuhaily (1989), *Al-Fiqh Islami wa Adillatuhu*, Jilid 6, Damsyik: Dar al-Fikr.

<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-menggunakan-dna-untuk-menentukan-status-nasab-anak-dan-tempoh-melaksanakan-li> akses pada Julai 2016

www.e-fatwa.gov.my akses pada April 2016

<http://www.kimia.gov.my/fungsi-bahagian/129.html> akses pada April 2016

<https://ms.wikipedia.org/wiki/DNA> akses pada Jun 2016

<http://www.myhealth.gov.my> akses pada Jun 2016

Nabisha Binti Ibrahim, (2015) Hakim Mahkamah Sesyen, Butterworth. Temubual pada Jun 2015

Mohd Zaidi Bin Abdullah, (2015) Pegawai penyelidik Kanan, Ketua Hakim Syaraie, Mahkamah Syariah Perlis. Temubual pada Jun 2015

Mawarni Bt. Abdul Rahman, (2015) Pegawai Sains (C41), Jabatan KIMIA Malaysia, Pulau Pinang, (cawangan Utara). Temubual pada Julai 2015.

Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Rosli bin Abdul Japar (2007)23/2 JH 237.

Wong Chop Saow lwn Pendakwaraya (1995) MLJ 247

Ahmad Najib Aris lwn PP (2007) 2CLJ229

Zulfakar Ramlee, (2008). "Keterangan DNA dalam Sistem Perundangan Islam" dlm. *Jurnal ILIM Bil. 1* , hlm.. 111-18, 2008.